

MAS: Jangan jadikan 'gajah putih'

KUALA LUMPUR, Sabtu — Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad berkata Kerajaan sama sekali tidak mahu Sistem Penerbangan Malaysia (MAS) menjadi seperti "gajah putih" tetapi sebaliknya syarikat yang berjaya walaupun kecil.

Menurut Perdana Menteri, Malaysia mahukan syarikat penerbangan kebangsaannya berjaya dan menguntungkan negara walaupun ia kecil.

Berucap di majlis menepung pesawat MAS terbaru jenis B747 di Lapanganterbang Antarabangsa Kuala Lumpur di Subang beliau berkata:

"Kita mahu syarikat penerbangan yang berjaya, walaupun kecil dan kejayaan tidak bergantung kepada kecil atau besarnya sesebuah syarikat.

"Kerap kali kerugian meningkat dengan peningkatan kapasiti syarikat. Lebih banyak pesawat lebih banyak penerbangan dan lebih banyak pula kerugian".

Bagi mencapai kejayaan, tambahnya, MAS perlu pengurusan yang baik dengan peningkatan kecekapan dan dedikasi semua pegawai dan kakitangannya.

Perdana Menteri menjelaskan, mereka juga harus sanggup bekerjasama antara satu sama lain kerana tidak ada tempat bagi individualisma dan perselisihan dalam pengurusan MAS.

Tidak ada tempat untuk bersikap tidak bertimbang rasa, samada kepada rakan-rakan atau kepada kakitangan bawahan.

"Semua mestilah

bekerja sebagai satu pasukan yang berbangga kerana kejayaan syarikat serta bergantung kepada semangat bekerja sebagai satu pasukan,"katanya.

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

No. Siri 2529

No. Penerimaan 273 /